

## **Teks Ucapan**

**Y.Bhg. BRIG. JEN. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**  
**Sempena**  
**Taklimat Penubuhan Askar Wataniah**  
**Peringkat Bahagian Umno Negeri Pulau Pinang**  
**di Hotel Sunway Pada 25 Jun 2009.**

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera.

Yg. Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Pengerusi  
Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang,

Yg Bhg Mejar Jen Dato' Mohd Noor bin Daud, Panglima 2  
Divisyen Infantri Malaysia,

Yg Bhg Brig Jen Dato' Fazrulrahman Bin Mohamad Irfan,  
Asisten Panglima Pasukan Simpanan, MK TD,

Yg Bhg Dato' – Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian  
yang dikasihi sekalian.

**Sirih berlipat sirih pinang**  
**Sirih dari Pulau Mutiara**  
**Pemanis kata selamat datang**  
**Awal Bismillah pembuka bicara**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul pada petang ini dalam suasana yang penuh keceriaan dan ketenangan. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli-ahli Parlimen di Pulau Pinang ke majlis taklimat penubuhan Kompeni Askar Wataniah ini.

Sebelum saya memulakan taklimat mengenai rancangan penubuhan Kompeni Askar Wataniah ini izinkan saya memberikan sedikit pengenalan mengenai Askar Wataniah. Askar Wataniah (AW) adalah satu badan sukarela yang berlainan dari badan-badan sukarela yang lain. AW merupakan angkatan simpanan Tentera Darat Malaysia sebagai benteng kedua di dalam mempertahankan negara kita yang tercinta ini. Penyertaan dari semua ahli-ahli Parlimen di Pulau Pinang di dalam Askar Wataniah akan menjadi satu sumbangan murni di dalam menyahut seruan ibu pertiwi sesuai dengan konsep HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) yang ditetapkan di dalam dasar pertahanan negara.

HANRUH antaranya menetapkan bantuan nasional termasuk pengembelian semua sumber negara disamping penglibatan angkatan tentera.

Sebagai sebuah negara yang berkembang untuk mencapai matlamat sebuah negara yang maju dengan Wawasan 2020, setiap pihak dan rakyat perlu memainkan peranan di dalam pembangunan dan pertahanan negara dan hendaklah menjadikannya sebagai sebahagian dari aktiviti masyarakat.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Saya yakin dengan penglibat daripada semua Parlimen di Pulau Pinang ini dapat memantapkan lagi AW serta dapat membantu mengukuhkan Negara dan meningkatkan lagi tahap keselamatan. Saya sebagai Komander Rej 504 AW berharap supaya Jawatankuasa pendokong AW yang terdiri daripada Ahli-Ahli Parlimen ini nanti akan berusaha untuk meningkatkan saiz kekuatan (jumlah anggota) dari semasa ke semasa dengan saiz lebih besar.

Sebagai contoh, di Perlis sendiri, para pegawai masjid juga digalakkan menyertai askar Wataniah sebagai langkah menggalakkan anak kariah mereka menyertai pasukan sukarelawan yang menjadi benteng pertahanan kedua ini. Mereka di sarankan untuk melahirkan sekurang-kurangnya empat anggota baru AW yang mewakili kariah masing-masing untuk setiap tahun.

Golongan belia juga tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam AW ini dan penglibatan golongan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan masalah sosial yang kian menular di kalangan belia remaja. Penglibatan dalam AW ini membantu golongan belia agar lebih bertanggungjawab, berdisiplin dan komited dalam apa jua tugas yang diberikan. Ianya juga menjadi nilai tambah kepada pembentukan sahsiah diri serta memupuk semangat cintakan negara.

Saya tidak mahu bercakap panjang dan izinkan saya untuk menyampaikan taklimat ringkas pada petang ini mengenai rancangan penubuhan Kompeni Askar Wataniah di bahagian Parlimen Pulau Pinang.

### **Latar Belakang**

Penubuhan Kompeni AW Kawasan Parlimen telah diilhamkan oleh Mantan Menteri Pertahanan, YAB, Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak pada awal tahun 2000. Sejarah bermula melalui Mesyuarat Pos Kabinet Menteri Pertahanan Bil 13/2000 pada 3 Mei 2000 dan kawasan pertama yang dilancarkan adalah di kawasan Pekan, Pahang pada 15 Julai 2000. Sejak itu, 87 kawasan Parlimen dari 222 kawasan telah dilancarkan dengan kekuatan anggota seramai 100 anggota.

## **Rancangan Pelancaran Parlimen di Pulau Pinang**

Terdapat 13 kawasan Parlimen di Pulau Pinang semasa pilihan raya umum yang lalu. Sebanyak 4 kawasan Parlimen telah dilancarkan sebelumnya dan baki 9 kawasan Parlimen masih belum dilancarkan

## **Promosi Dan Pengambilan**

Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Cuma menggalakkan dan menyediakan anggota mereka serta memberi sokongan dalam hal berkaitan promosi dan tidak menampakkan penglibatan mereka secara langsung.

**Ayam rintik di pinggir hutan  
Nampak dari tepi telaga  
Nama yang baik jadi ingatan  
Seribu tahun terkenang juga.**

Sekian, taklimat ringkas saya pada petang ini. Semoga kita berjumpa lagi.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.